

SOALAN NO.: 434

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DATO' HAJAH NORMALA BINTI ABDUL
SAMAD
KAWASAN : PASIR GUDANG**

SOALAN:

YB. DATO' HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status pelaksanaan projek Naiktaraf Lebuhraya Pasir Gudang Fasa 2A dan bilakah Fasa 2B akan mula dijalankan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Menaiktaraf Lebuhraya Pasir Gudang (FT17) dari 4 lorong ke 6 lorong (Fasa 2A) telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dengan kos keseluruhan projek sebanyak RM190 juta. Milik tapak projek ini adalah pada 7 Mac 2016 manakala tarikh siap semasa dijadualkan pada 6 September 2018. Kemajuan fizikal semasa pada masa ini adalah 58% (sebenar) berbanding 57% (jadual). Pihak Jabatan Kerja Raya sentiasa memantau pelaksanaan projek ini bagi memastikan ia siap mengikut jadual.

Manakala untuk Fasa 3 (bukan Fasa 2B), pihak Kementerian masih belum menerima kelulusan pelaksanaan daripada Agensi Pusat.

Sekian, terima kasih.